

**Johor Mampu Kekal Jadi Kubu Kuat Umno Dan BN - Muhyiddin
Bernama
4 April, 2013**

MUAR, 4 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yakin Johor mampu terus kekal sebagai kubu kuat Umno dan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-13.

Katanya BN mempunyai strategi tertentu untuk mengekalkan slogan Johor negeri biru walaupun pembangkang cuba mengasak kubu kuat BN dan Umno itu dengan meletakkan pemimpin mereka seperti Lim Kit Siang bertanding di Johor.

"Bagi kita (BN) di Johor walau apapun bentuk pemimpin datang, kita akan lawan.

"Saya lihat ahli parti di Johor dan kawasan yang disebut itu tidak luntur dan lebih bersemangat daripada dahulu kerana nak buktikan tagline Johor kubu kuat BN dan negeri biru sebenar memang mampu dipertahan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat jentera pilihan raya BN Bahagian Pagoh di Kompleks Seri Pekembar di sini Khamis.

Turut hadir Pengerusi BN Pagoh Datuk Tahir Mohd Taat.

Muhyiddin secara sinis berkata memang sesetengah pemimpin pembangkang mempunyai sikap suka berpindah-randah kawasan terutama apabila mengetahui sokongan terhadap mereka di kawasan yang diwakili sebelum ini semakin berkurangan.

"Ada juga sebab pemimpin itu memang sikap dia suka berpindah-randah, tidak ada kesetiaan kepada pengundi, lebih fikirkan diri dan parti sahaja.

"...bukannya memikirkan soal khidmat kepada masyarakat, kerana yang penting baginya ialah kebendaan dan kepentingan peribadi, berpindah atas alasan strategi politik," katanya.

Muhyiddin berkata walaupun di kawasan yang dipilih itu mungkin mereka ada kelompok pengikutnya, namun BN juga mempunyai sokongan yang kuat di kawasan yang ditandingi oleh pemimpin-pemimpin pembangkang.

Menurutnya, gesaan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad supaya Gelang Patah menjadi kubu untuk karier veteran politik Lim juga harus dijadikan cabaran oleh jentera Umno.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=939643>